

27 JUN 2002

UMNO DAN BN TERENGGANU SOKONG ABDULLAH GANTI PM

KUALA TERENGGANU, 27 Jun (Bernama) -- Umno dan Barisan Nasional (BN) Terengganu sebulat suara menyokong Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau meletak jawatan selepas Oktober tahun depan.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Terengganu Datuk Ismail Said berkata keputusan itu dibuat pada mesyuarat pengurusan Umno dan mesyuarat BN Negeri yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Idris Jusoh semalam di sini.

Katanya mereka yang hadir pada mesyuarat itu sedar bahawa cara peralihan kuasa yang dilakukan menunjukkan Malaysia mempunyai pengurusan pentadbiran yang matang untuk mengelakkan sebarang masalah.

"Kita berikrar berdiri teguh dan memberi taat setia yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan Datuk Seri Abdullah dapat meneruskan kesinambungan kepimpinan negara yang cemerlang," kata Ismail dalam kenyataan hari ini.

Majlis Tertinggi Umno dalam kenyataan yang dibacakan oleh Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob pada Selasa lepas mengumumkan bahawa Dr Mahathir Mohamad akan meletak jawatan sebagai Perdana Menteri selepas Oktober 2003 dan mengesahkan Abdullah sebagai penggantinya.

Abdullah adalah juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu.

-- BERNAMA

TAJ NMO